

Mohd Jironi kecewa gagal tepati sasaran

TIADA apa yang dapat dikatakan atlet olahraga negara, Mohd Jironi Riduan melainkan hanya memohon maaf selepas gagal menyumbang pingat emas acara 1,500 meter lelaki di Stadium Utama, Kompleks Sukan Nasional Vientiane, semalam.

Mahasiswa Universiti Putra Malaysia (UPM) itu terlalu kecewa meraih perak selepas sekadar mencatat 3 minit 59.83 saat, tewas kepada atlet Vietnam, Van Thai Doung, yang meraih emas dengan 3:57.79s. Pelari Indonesia, Ridwan (4:00.49s), gangsa.

"Maaf Malaysia, saya gagal. Saya disasarkan jurulatih untuk menyumbang emas dalam dua acara individu, malangnya saya gagal merealisasikan sasaran itu. Saya sudah memberikan yang terbaik tapi belum cukup untuk menyaingi pelari Vietnam itu," katanya yang turut meraih perak acara 800m.

Skuad olahraga menutup tirai tanpa sebarang kilauan emas, semalam sekali gus terpaksa akur di tangga kedua keseluruhan di belakang Vietnam.

Bagaimanapun, skuad

olahraga berjaya melepasi sasaran sembilan emas dengan mengutip 11 emas, 10 perak dan enam gangsa.

Vietnam di tangga pertama dengan pungutan 14-3-6 manakala Thailand mengutip 6-11-7, ketiga.

"Sememangnya kami begitu hampir untuk berada di tempat pertama keseluruhan tapi hajat itu tidak kesampaian.

"Bagaimanapun, saya tetap puas hati kerana kami berjaya melepasi sasaran sembilan emas disasarkan. Sememangnya Mohd Jironi gagal mencapai sasaran tapi dia dan semua atlet olahraga negara sudah melakukan yang terbaik. Keseluruhan, saya gembira dengan pencapaian ini," kata jurulatih olahraga, Muhammad Malik Ahmad Tobias.

Semalam, tiga lagi perak diraih K Gantimathi (1,500 wanita), Siti Zubaidah Adabi (lompat jauh) dan kuartet 400m lelaki, Mohd Jironi, Muhammad Firdaus Mazlan, K Subramaniam serta Mohamad Arif Zulhildi Alet.

Gangsa disumbang atlet lontar peluru, Rahilah Othman.